

Melihat Anak Bulan Ramadan 1444H



Kuantan, 27 Mac 2023 - Bertempat di Tapak Cerapan Rasmi Negeri Pahang, Bukit Pelindung Kuantan, YH Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang, YAA Ketua Hakim Syarie Pahang Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yuns, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang YH. Dato' Haji Abdul Zaki bin Md Zain serta wakil JUPEM hadir bagi melihat aktiviti mencerap anak bulan Ramadan 1444H pada hari ini. Turut hadir bersama YBhg Dr. Ahmad Irfan Bin Ikmal Hisham selaku Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pahang dan warga kerja Jabatan Mufti Negeri Pahang khususnya Bahagian Falak yang merupakan tulang belakang bagi aktiviti cerapan rasmi di Negeri Pahang agar berjalan dengan lancar.

Selain itu, pada masa yang sama terdapat 2 lagi tapak cerapan rasmi telah berlangsung untuk melihat anak bulan Ramadan 1444H iaitu Tapak Cerapan Tanjung Batu Nenasi, Pekan dan Stesen Cerapan Gunung Brinchang, Cameron Highlands.